

MALAYSIA DALAM OIC



- OIC ditubuhkan pada 25 September 1969 dianggotai oleh 57 buah negara Islam.
- OIC ditubuhkan bersempena dengan Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi.
- Pada masa itu, serangan ganas terhadap Masjid al-Aqsa oleh puak Zionis sedang memuncak.
- Tindakan tersebut telah mendorong pemimpin Islam menubuhkan sebuah pertubuhan di peringkat antarabangsa untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam dalam semua bidang.

- **Pelibatan Malaysia dalam isu masyarakat Islam antarabangsa bermula sejak era Tunku Abdul Rahman.**
- **Beliau mencadangkan agar diwujudkan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam di seluruh dunia.**
- **Hasrat ini semakin kuat selepas berlangsungnya Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau Asia Tenggara pada tahun 1964.**
- **Pada bulan April 1969, Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada Persidangan Islam Antarabangsa. Agenda yang diputuskan di Kuala Lumpur dibawa ke Rabat, Maghribi, sehingga tertubuhnya OIC.**
- **Sebagai menghormati inisiatif beliau, Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama.**

Pembangunan Pendidikan

- Malaysia bersama-sama OIC memberi penekanan kepada pembangunan sosial terutamanya dalam bidang pendidikan.
- Usaha ini dilakukan melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan.
- Antara hasilnya ialah pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk menuntut di universiti tersebut.

Pembangunan Ekonomi

- Malaysia aktif membangunkan ekonomi negara anggota OIC.
- Malaysia menyokong aktiviti Bank Pembangunan Islam atau Islamic Development Bank (IsDB) yang ditubuhkan pada tahun 1973. Sejak menyertai IsDB pada tahun 1974, Malaysia telah mendapat pelbagai faedah dalam bentuk pinjaman daripada bank. Pinjaman tersebut membolehkan Malaysia membiayai projek pembangunan negara.
- Penubuhan IsDB turut membawa perkembangan kepada sistem perbankan Islam melalui penubuhan bank Islam di serata dunia seperti Dubai Islamic Bank (1975), Islamic Bank of Bahrain (1979) dan Bank Islam Malaysia Berhad (1983).

Menangani Isu Politik Negara Islam

- Melalui OIC, Malaysia sering menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam seperti Palestin, Afghanistan dan Perang Iran-Iraq.
- Malaysia memainkan peranan sebagai perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq. Berikutan pengumuman gencatan senjata antara Iran-Iraq pada bulan Ogos 1988, 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB.
- Malaysia memberi sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Pertubuhan Pembebasan Palestin atau Palestine Liberation Organization (PLO).
- Pada bulan Mei 1983, Malaysia menjadi tuan rumah bagi Persidangan Keserantau Asia berkaitan dengan Palestin di Kuala Lumpur.
- Malaysia menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka.
- Malaysia juga menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Regim Kabul yang dibantu oleh Kesatuan Rusia sejak tahun 1979.
- Pada tahun 1984, Malaysia membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur.